

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI PEMBUKAAN RASMI PAMERAN KESIHATAN IBU
DAN ANAK, DI PLAZA BUKIT BINTANG
KUALA LUMPUR, PADA HARI SABTU
2HB. MAC/ 1985
PUKUL 2.00 PETANG

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hj. Abdul
Hamid, Naib Canselor UKM;

Yang Berbahagia Prof. Madya Mahmud,
Dekan Fakulti Perubatan, UKM;

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pameran.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mengucapkan teriiaa kasih kepada pihak penganjur Pameran Kesihatan Ibu dan Anak kerana menjemput dan memberi saya peluang untuk berucap dan seterusnya merasmikan Pameran ini. Pameran seperti ini amatlah saya minati dan adalah perlu ianya diadakan dari semasa ke semasa bagi memberi kesedaran kepada orang ramai khasnya kepada ibu-ibu betapa pentingnya kesihatan dalam kehidupan mereka.

2. Kesihatan ibu amatlah penting untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian keluarga kerana kesihatan dan kebijaksanaan ibulah terletakinya kesihatan sesebuah keluarga itu. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, ibu-ibu mestilah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan tinggi. Adalah perlu ditegaskan kepada ibu-ibu betapa pentingnya

penjagaan kesihatan ini daripada mula ibu itu hamil hinggalah selepas bersalin. Ibu yang sihat sewaktu hamil akan melahirkan anak dengan selamat dan akan bertenaga untuk menjaga dan memelihara anak itu hinggalah besar.

3. Bagi anak yang sihat pula, sudah tentu ia akan membesar dan hidup sebagai anak yang cergas dan sihat. Jagaan dan didikan rapi daripada ibu akan membolehkan setiap kemahuan anak dapat disempurnakan dengan baiknya. Inilah harapan kita semua, terutama bagi masyarakat negara yang membangun seperti negara kita. Kerajaan tidak cuai daripada kesedaran dan harapan ini. 'Keluarga sihat, negara maju', 'kesihatan bermula dari rumah' dan banyak lagi cogan-cogan kata digunakan dalam kempen-kempen kesihatan di negara ini. Atas kesedaran inilah Kerajaan telah membina banyak infrastruktur kesihatan supaya perkhidmatan kesihatan dan perubatan dapat disampaikan kepada rakyat di seluruh pelusuk negara. Berbagai rancangan yang ditujukan kepada ibu-ibu dan anak-anak dilancarkan setelah kajian dibuat untuk mengenal-pasti setiap masalah dan risiko yang dialami oleh ibu dan anak.

4. Kita di Malaysia harus bersyukur kerana sejak merdeka, rancangan kesihatan telah dijalankan dengan pesat, dan kesannya dapat dibuktikan melalui kadar-kadar kematian ibu-ibu, bayi dan kanak-kanak yang telah turun dengan banyak. Walau bagaimanapun kadar kematian ini boleh diturunkan lagi dan taraf kesihatan rakyat dipertingkatkan lebih tinggi daripada yang ada sekarang sekiranya orang ramai sedar betapa pentingnya kesihatan kepada diri dan keluarga mereka. Kita dapat memberi suatu penilaian ke atas kesihatan. Seperti biasa kita tidak mungkin menghargainya hinggalah kita jatuh sakit. Kebanyakan daripada orang ramai khususnya ibu-ibu tidak memahami konsep pencegahan ini. Bagi mereka tiada sebab mengapa anaknya yang sihat walafiat perlu disuntik ubat pelalian untuk mencegah penyakit yang boleh menyebabkan kematian dan sebagainya; tiada sebab dirinya

diperiksa sekurang-kurangnya setahun sekali untuk mengesan atau mencegah penyakit-penyakit yang serius. Banyak orang berasa malu atau takut untuk diperiksa -- malu kerana terpaksa mendedahkan tubuh-badannya. Mereka juga takut sekiranya doktor akan mengesan dan mengesahkan sesuatu penyakit yang sedang mereka hidapi. Oleh itu, mereka mendiamkan diri sahaja. Sikap inilah yang amat merbahaya dan hanya akan mendatangkan kesan negatif kepada diri mereka semata-mata.

5. Usaha Persatuan Mahasiswa Perubatan UKM mengadakan Pameran ini adalah satu cara yang membolehkan orang ramai, terutamanya ibu-ibu, mendapat pengetahuan mengenai kesihatan ibu dan anak mereka. Adalah diharapkan dengan pengetahuan yang sepatutnya ibu-ibu dan juga orang ramai akan mengubah sikap dan mengamalkan nasihat-nasihat yang diberi. Saya berharap orang ramai akan mengambil peluang ini untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan kesihatan yang dipamerkan dan mengambil peluang mengemukakan pertanyaan sekiranya ragu-ragu dalam sesuatu perkara.

6. Sehubungan dengan ini, saya berharap pihak penganjur akan membantu orang ramai dengan jawapan-jawapan yang terang dan tepat dan dalam bahasa yang senang difahami. Memberi makluman kesihatan adalah tanggungjawab semua Pegawai-Pegawai Kesihatan dan Perubatan, kakitangan-kakitangan kesihatan, termasuklah bakal-bakal doktor.

7. Menyentuh tentang kesihatan dan pentingnya daripada perspektif ajaran agama kita pula, Islam mementingkan kemajuan rohani dan jasmani, atau kemajuan 'spiritual' dan 'material'. Kita mestilah pandai memberi keseimbangan atau 'balance' antara kedua-duanya. Kesihatan jasmani atau kesihatan badan akan membolehkan kita menjalankan ibadat dengan lebih selesa, penuh dengan takwa dan dengan lebih

bersyukur lagi. Dengan itu kesihatan badan akan membolehkan juga kita memperkukuhkan kemajuan rohani kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Persatuan Mahasiswa Perubatan UKM atas usahanya yang cemerlang ini dan saya berharap semoga matlamat Pameran ini akan tercapai dengan jayanya.

9. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya membuka Pameran Kesihatan Ibu dan Anak, anjuran Persatuan Mahasiswa Perubatan UKM ini, dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.
